

KARNIVAL HARI TANDAS SEDUNIA

PERINGKAT KEBANGSAAN 2017



YB Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah merasmikan Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 pada 18 Disember 2017 bertempat di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor.

Hari Tandas Sedunia disambut pada 19 November setiap tahun di seluruh dunia untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang budaya tandas bersih. Sambutan yang diadakan dengan tema berbeza setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu kebersihan dan kesihatan global semasa yang khusus.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Muar menganjurkan Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 ini adalah bertujuan untuk meningkatkan amalan kesedaran dan kepentingan sanitasi tandas yang bersih dalam kehidupan manusia. Amalan tandas bersih ini akan meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan bersih.



Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 yang bertemakan 'Tandas Kita: Saya Peduli, Anda?' ini dianjurkan selama tiga (3) hari bermula dari 16 hingga 18 Disember 2017. Karnival yang menyasarkan kehadiran orang awam, pihak berkuasa tempatan (PBT), penguasa stesen minyak, konsesi lebuhraya, persatuan bukan kerajaan berkaitan tandas ini, telah menyediakan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah:

- Seminar Pengurusan Tandas Awam;
- pameran peralatan berkaitan tandas;
- model tandas bersih;
- pertandingan memasak menu sihat;
- pertandingan mewarna keluarga;
- pertandingan fotografi; dan
- fun walk.



Semasa majlis perasmian, YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi 11 kategori Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia yang dipertandingkan, iaitu:

- tandas awam berasingan milik PBT;
- tandas kedai makan/restoran;
- tandas pusat beli-belah;
- tandas awam stesen minyak;
- tandas tempat ibadat;
- tandas lapangan terbang;
- tandas awam di stesen keretapi/LRT/ERL;
- tandas awam stesen bas;
- tandas awam taman rekreasi;
- tandas hotel; dan
- tandas awam jeti/pintu masuk.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT